



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN

PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN LIMA
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH NEGERI SEMBILAN 2024

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf A, B, C dan D.*
4. *Bagi tiap-tiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

Kertas soalan ini mengandungi 14 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

- 1 Pernyataan berikut berkaitan dengan suatu amalan yang dipatuhi oleh sebuah perniagaan.

Sewa yang dibayar perlu diselaraskan dengan sewa belum bayar untuk sesuatu tempoh perakaunan sebelum dipindahkan ke Penyata Kewangan

Apakah andaian, prinsip atau batasan dalam perakaunan yang terlibat?

- A Ketekalan
 - B Tempoh perakaunan
 - C Wang sebagai ukuran
 - D Pengiktirafan hasil dan belanja
- 2 Antara berikut, yang manakah merupakan ciri berkaitan Klinik Fatehah?
- A Liabiliti terhad
 - B Liabiliti tidak terhad
 - C Modal disumbangkan oleh rakan kongsi
 - D Modal disumbangkan oleh pemegang syer

- 3 Pilih pasangan Catatan Kontra dan Akaun Berkaitan yang betul.

	Catatan Kontra	Akaun Berkaitan
A	Akaun Ambilan	Akaun Modal
B	Akaun Kenderaan	Akaun Susut Nilai Berkumpul
C	Akaun Belum Terima	Akaun Peruntukan Hutang Ragu
D	Akaun Pulangan Keluar	Akaun Belum Terima

- 4 Pemilik Kedai Runcit Hakimy telah membawa masuk kenderaan peribadinya ke dalam perniagaan.

Apakah kesan urus niaga tersebut ke atas persamaan perakaunan?

	Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
A	Berkurang	Berkurang	Tiada kesan
B	Bertambah	Bertambah	Tiada kesan
C	Berkurang	Tiada kesan	Berkurang
D	Bertambah	Tiada kesan	Bertambah

- 5 Antara berikut yang manakah merupakan dokumen bukan sumber?
- A Memo
- B Bil Bayaran
- ☒ C Pesanan Belian
- D Slip Daftar Tunai
- 6 Pada 5 Januari 2024, Puan Umaira membeli sebuah kabinet pejabat secara kredit bernilai RM45 000 daripada Kedai Perabot Nogori.

Bagaimanakah urusanniaga ini dicatatkan dalam buku Perniagaan Umaira?

A Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit RM	Kredit RM
2024 Jan 5	Belian	45 000	
	Lengkapan		45 000

B Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit RM	Kredit RM
2024 Jan 5	Lengkapan	45 000	
	Kedai Perabot Nogori		45 000

C Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit RM	Kredit RM
2024 Jan 5	Lengkapan	45 000	
	Belian		45 000

D Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit RM	Kredit RM
2024 Jan 5	Belian	45 000	
	Kedai Perabot Nogori		45 000

7 Mengapakah Penyata Akaun dikeluarkan oleh peniaga kepada pelanggan?

- A menunjukkan baki tunai di bank
- B menunjukkan baki hutang pelanggan**
- C menunjukkan hutang pelanggan telah berkurang
- D menunjukkan hutang pelanggan telah bertambah

8 Antara dokumen berikut, yang manakah akan direkod dalam Jurnal Belian?

- I Invois asal
- II Invois salinan
- III Nota debit asal
- IV Nota debit salinan

- A I dan II
- B I dan III**
- C II dan IV
- D III dan IV

9 Antara berikut yang manakah merupakan Akaun Nominal?

- I Premis
- II Pinjaman
- III Sewa Diterima
- IV Angkutan Keluar

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III**
- D III dan IV

10 Hidayah telah mengambil barang niaga bernilai RM860 untuk tujuan promosi. Apakah akaun yang akan dikreditkan?

- A Belian
- B Promosi**
- C Ambilan
- D Inventori

- 11 Akaun Kawalan Belum Terima berikut diambil daripada buku seorang peniaga.

Akaun Kawalan Belum Terima					
2024			2024		
		RM			RM
Jan 1	Baki b/b	38 160	Jan 31	Pulangan Masuk	2 960
31	Jualan	22 960		Diskaun Diberi	695
				Hutang Ragu	730

Butiran manakah yang tidak berkaitan dengan akaun di atas?

- A Jualan
 B Hutang Ragu
 C Diskaun Diberi
 D Pulangan Masuk
- 12 Berikut ialah Imbangan Duga Kedai Nasaruddin.

Butir	Debit RM	Kredit RM
Belian	7 400	
Jualan		9 900
Alatan Pejabat	4 300	
X	2 100	
Y		3 900
	13 800	13 800

Apakah yang mungkin untuk X dan Y?

	X	Y
A	Bank	Perabot
B	Angkutan Masuk	Angkutan Keluar
C	Sewa Dibayar	Diskaun Diterima
D	Overdraf Bank	Modal

- 13 Akaun manakah yang dicatat dalam Penyata Pendapatan dan juga dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada akhir tempoh perakaunan?

- A Modal
 B Ambilan
 C Inventori Awal
 D Inventori Akhir

- 14 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Syarikat Afiqqah.

	RM
Inventori Akhir	13 280
Akaun Belum Terima	10 460
Alatan Pejabat	22 160
Akaun Belum Bayar	6 680
Overdraf Bank	500

Berapakah modal kerja?

- A RM9 000
 B RM16 560
 C RM17 560
 D RM38 720
- 15 Berikut ialah petikan Imbangan Duga Perniagaan Maria pada 30 Jun 2023.

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Kenderaan	20 000	
Susut Nilai Terkumpul Kenderaan		1 600

Kenderaan disusutnilaikan 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan. Kira susut nilai kenderaan yang akan direkod dalam Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2023.

- A RM920
 B RM1 840
 C RM2 000
 D RM3 440
- 16 Syarikat Neeta telah membeli alat tulis bernilai RM420 pada tahun 2023. Pada akhir tahun kewangan sebanyak RM100 alat tulis belum digunakan.

Pilih catatan yang betul dalam Penyata Kewangan.

	Akaun Untung Rugi	Penyata Kedudukan Kewangan
A	Alat tulis RM420	Inventori Alat tulis RM320
B	Alat tulis RM420	Inventori Alat tulis RM100
C	Alat tulis RM320	Inventori Alat tulis RM520
D	Alat tulis RM320	Inventori Alat tulis RM100

- 17 Data berikut diperolehi daripada Perniagaan Mas Ayu pada 31 Disember 2023.

	RM
Gaji belum bayar pada 1 Januari 2023	1 500
Bayaran gaji yang telah dibuat	4 500
Gaji tahunan	6 000

Berapakah gaji belum bayar bagi tahun tersebut?

- A RM1 500
 B RM3 000
 C RM4 500
 D RM6 000
- 18 Belian perabot RM300 secara tunai telah direkodkan sebagai RM3 000. Bagaimanakah kesilapan ini diperbetulkan dalam Jurnal Am?

- A
- | | | |
|--------------|---------|---------|
| (Dt) Belian | RM2 700 | |
| (Kt) Perabot | | RM2 700 |
- B
- | | | |
|-------------|---------|---------|
| (Dt) Belian | RM2 700 | |
| (Kt) Tunai | | RM2 700 |
- C
- | | | |
|--------------|---------|---------|
| (Dt) Tunai | RM2 700 | |
| (Kt) Perabot | | RM2 700 |
- D
- | | | |
|--------------|---------|---------|
| (Dt) Perabot | RM2 700 | |
| (Kt) Tunai | | RM2 700 |

- 19 Maklumat berikut diperolehi daripada Kedai Wardah.

Belianengkapan bernilai RM8 600 dengan cek telah didebit ke dalam Akaun Belian dan dikreditkan dalam Akaun Bank

Apakah jenis kesilapan di atas?

- A Kesilapan songsang
 B Kesilapan komisen
 C Kesilapan prinsip
 D Kesilapan amaun



- 20 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Encik Sulaiman bagi tahun berakhir 31 Disember 2023.

	RM
Inventori awal	6 320
Kos jualan	24 600
Kadar pusing ganti inventori	5 kali

Hitungkan nilai inventori akhir.

- A RM2 800
B RM3 160
C RM3 520
D RM4 920
- 21 Antara yang berikut manakah terlibat dalam nisbah kecekapan?
- I Nisbah semasa
II Pulangan atas modal
III Tempoh kutipan hutang
IV Kadar pusing ganti inventori
- A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV
- 22 Maklumat berikut dipetik daripada buku Syarikat Tyara.

	RM
Modal 1 Ogos 2023	10 500
Modal 31 Julai 2024	19 400
Modal tambahan	4 000
Ambilan	1 500

Hitung Untung Bersih.

- A RM 4 900
B RM 6 400
C RM 8 900
D RM10 400

23 Apakah kelemahan rekod tak lengkap?

- I Kesilapan catatan sukar dikesan
- II Untung atau rugi tidak dapat ditentukan
- III Perbandingan prestasi antara firma sukar dibuat
- IV Penyata Kedudukan Kewangan tidak dapat disediakan

- A I dan III
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV

24 Penyata Penyesuaian Bank disediakan setiap bulan kerana terdapat perbezaan baki dalam Buku Tunai dan Penyata Bank.

Berikut adalah perkara-perkara yang perlu dilaraskan dalam Buku Tunai kecuali

- A Caj bank
- B Cek tak layan
- C Kesilapan amaun
- D Cek yang belum dikemukakan

25 Penyata Penyesuaian Bank berikut telah disediakan oleh seorang peniaga.

Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Mac 2024	
	RM
Baki debit dalam Buku Tunai	3 600
Tambah: Cek belum dikemukakan	<u>1 600</u>
	5 200
Tolak: Deposit belum dikreditkan	<u>6 800</u>
X	<u>(1 600)</u>

Apakah X?

- A Baki debit Buku Tunai
- B Baki kredit Buku Tunai
- C Baki debit Penyata Bank
- D Baki kredit Penyata Bank

- 26 Jadual berikut menunjukkan anggaran jualan Kedai Perabot Hasnol bagi tempoh tiga bulan berakhir 31 Disember 2023.

Butir	Oktober (RM)	November (RM)	Disember (RM)
Jualan Tunai	3 000	4 000	6 000
Jualan Kredit	5 000	7 000	9 000

Pelanggan diberi tempoh kredit sebulan

Kirakan jumlah penerimaan bagi bulan Disember 2023.

- A RM6 000
B RM13 000
C RM15 000
D RM22 000
- 27 Antara berikut yang manakah merupakan butiran aliran masuk dalam penyediaan Belanjawan Tunai?
- A Diskaun diterima
B Pinjaman bank
C Susut nilai
D Gaji
- 28 Akta Perkongsian 1961 menyatakan.....
- A Untung atau rugi perniagaan dibahagikan secara sama rata
B Faedah atas modal pekongsi akan dibayar sebanyak 10% setahun
C Untung atau rugi perniagaan dibahagikan mengikut nisbah modal
D Faedah atas pinjaman pekongsi akan dibayar sebanyak 6% setahun
- 29 Antara berikut yang manakah bukan sebab perniagaan perkongsian dibubarkan?
- A Pekongsi telah muflis
B Mendapat perintah mahkamah
C Perkongsian mengalami kerugian
D Kematian salah seorang pekongsi

- 30 Maklumat berikut menunjukkan ambilan yang telah dibuat oleh Kedai Perabot Ahmad dan Zahar.

Pekongsi	Tarikh Ambilan	RM
Ahmad	1 Mac 2023	1 200
Zahar	30 Jun 2023	1 500

Faedah atas ambilan adalah 10% setahun dan tahun kewangan perniagaan perkongsian berakhir pada 31 Disember 2023.

Hitungkan faedah atas ambilan yang dikenakan kepada Zahar.

- A RM75
 B RM90
 C RM150
 D RM165
- 31 Pekongsi Adam telah mengambil alih kenderaan bernilai RM80 000 semasa perkongsian dibubarkan.

Apakah catatan jurnal yang terlibat untuk menunjukkan urus niaga berikut?

	Butir	Dt RM	Kt RM
A	Akaun Kenderaan Akaun Realisasi	80 000	80 000
B	Akaun Realisasi Akaun Kenderaan	80 000	80 000
C	Akaun Modal Adam Akaun Realisasi	80 000	80 000
D	Akaun Realisasi Akaun Modal Adam	80 000	80 000

- 32 Pernyataan manakah benar tentang syer Syarikat Sendirian Berhad.

- I Boleh dipindah milik secara bebas
 II Boleh disenaraikan di Bursa Malaysia
 III Tidak boleh dipindah milik secara bebas
 IV Tidak boleh disenaraikan di Bursa Malaysia

- A I dan II
 B I dan III
 C II dan IV
 D III dan IV

- 33 Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Nusa Berhad bagi tahun berakhir 31 Disember 2023. Modal diterbitkan dan dibayar penuh pada 1 Mac 2023 adalah seperti berikut:

	RM
500 000 unit 10% Syer Keutamaan	1 200 000
200 000 unit Syer Biasa	300 000

Lembaga Pengarah telah mengisytiharkan Dividen Akhir bagi Syer Biasa pada kadar 20 sen sesyer.

Hitungkan jumlah Dividen Akhir.

- A RM 40 000
 - B RM100 000
 - C RM140 000
 - D RM160 000
- 34 Antara berikut yang manakah merupakan perbelanjaan hasil bagi Kelab Futsal Ace?
- A Honorarium
 - B Belian alatan sukan
 - C Belanja ubahsuai bangunan
 - D Bayaran guaman pembelian premis
- 35 Maklumat berikut diperoleh dari Kelab Remaja Taman Anggerik pada 1 Julai 2024.

	RM
Yuran Belum Terima	400
Yuran Belum Terperoleh	450
Inventori Alat Tulis	120
Sewa Belum Terima	560
Lengkapan	3 000
Premis	35 000
Bank	8 700

Hitungkan Dana Terkumpul.

- A RM9 330
- B RM10 230
- C RM47 330
- D RM47 430

36 Antara berikut yang manakah merupakan item bagi Kos Buruh Langsung?

- A Gaji kerani kilang
- B Gaji pekerja kilang
- C Gaji penyelia kilang
- D Gaji pengurus kilang

37 Kos pengeluaran adalah kos yang terlibat dalam proses pengeluaran sesuatu produk.

$$\text{Kos Pengeluaran} = \text{Kos Prima} + \text{Kos Overhed} + P - Q$$

Apakah P dan Q ?

	P	Q
A	Kerja Dalam Proses Awal	Kerja Dalam Proses Akhir
B	Kerja Dalam Proses Akhir	Kerja Dalam Proses Awal
C	Belanja Langsung	Kerja Dalam Proses Awal
D	Belanja Langsung	Kerja Dalam Proses Akhir

38 Kilang Beg Dinamik telah mengeluarkan 12 000 unit beg kulit bagi tahun berakhir 31 Julai 2024. Berikut adalah maklumat yang berkaitan dengan pengeluaran produk tersebut.

	RM
Kos tetap	81 000
Kos berubah	72 000
Jumlah hasil	120 000

Berapakah Titik Pulang Modal?

- A 5 063 unit
- B 8 100 unit
- C 13 500 unit
- D 20 250 unit

39 Pernyataan manakah yang benar tentang konsep Titik Pulang Modal?

- A Paras pengeluaran dimana perniagaan memperoleh kerugian
- B Paras pengeluaran dimana perniagaan memperoleh keuntungan
- C Paras pengeluaran dimana perniagaan tidak memperoleh keuntungan
- D Paras pengeluaran dimana perniagaan tidak memperoleh keuntungan atau kerugian

- 40 Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis biskut yang dikeluarkan oleh Kilang Biskut Lazat.

	RM
Kos tetap	50 000
Kos berubah seunit	5
Harga jualan seunit	10

Berapakah untung sasaran yang diperoleh Kilang Biskut Lazat jika jumlah pengeluaran ialah 30 000 unit ?

- A RM100 000
B RM250 000
C RM400 000
D RM500 000

KERTAS SOALAN TAMAT